

D.R. 15/2016

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2016.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 [*Akta 299*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2 dengan memasukkan selepas takrif “Certificate of Death” takrif yang berikut:

‘ “Certificate of Presumed Death” means a certificate issued pursuant to section 24B or subsection 32(1);’.

Pindaan seksyen 4**3. Seksyen 4 Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) The Registrar-General shall keep and maintain a sufficient number of registers in a form to be determined by the Registrar-General for the recording of births, deaths and presumed deaths.”; dan

- (b) dengan memotong subseksyen (2) dan (3).

Pindaan seksyen 4A**4. Seksyen 4A Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “birth” di mana-mana jua terdapat perkataan “or death”.****Pindaan seksyen 6****5. Seksyen 6 Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“Inspection of registers, etc.”;

- (b) dengan menomborkan semula seksyen yang sedia ada sebagai subseksyen (1); dan

- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula subseksyen yang berikut:

“(2) A public officer may, in the performance of his duties and with the authorization of the Registrar-General, inspect the registers and indices.”.

Pindaan seksyen 7

6. Seksyen 7 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan “for the registration area in which the child was born” dengan perkataan “in any registration area”; dan

(ii) dengan memotong perkataan “in duplicate in manner prescribed”; dan

(b) dengan memotong subseksyen (3).

Pindaan seksyen 8

7. Seksyen 8 Akta ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “fourteen” dengan perkataan “sixty”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan “fourteen” dengan perkataan “sixty”.

Seksyen baharu 10A

8. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 10 seksyen yang berikut:

“Special provision as to registration of birth

10A. Notwithstanding the provisions of this Part, the Registrar-General may, if he is satisfied from evidence adduced before him that a birth had occurred, cause such birth to be registered by entering in a register such particulars concerning the birth.”.

Pemotongan seksyen 11

9. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 11.

Pindaan seksyen 12**10. Seksyen 12 Akta ibu dipinda—**

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “forty-two days from the date of the birth or any child or” dengan perkataan “sixty days from the date of the birth of any child or fourteen days”; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan “subject to such conditions” dengan perkataan “subject to such fees and conditions”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) The Registrar-General may waive, in whole or in part, the fees prescribed for late registration referred to in subsection (1) subject to such criteria and conditions as the Minister may determine.”.

Pindaan seksyen 18**11. Seksyen 18 Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan menggantikan perkataan “for the registration area in which the death occurred” dengan perkataan “in any registration area”; dan
- (b) dengan memotong perkataan “in duplicate in manner prescribed”.

Pindaan seksyen 19

12. Subseksyen 19(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “twelve hours (exclusive of the time necessary for the journey and of any intervening hours of darkness)” dengan perkataan “seven days”.

Seksyen baharu 19A

13. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 19 seksyen yang berikut:

“Special provision as to registration of death

19A. Notwithstanding the provisions of this Part, the Registrar-General may, if he is satisfied from evidence adduced before him that a death had occurred, cause such death to be registered by entering in a register such particulars concerning the death.”.

Pemotongan seksyen 20

14. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 20.

Pindaan seksyen 21

15. Seksyen 21 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menomborkan semula seksyen yang sedia ada sebagai subseksyen (1);

(b) dalam subseksyen (1) yang dinomborkan semula—

(i) dengan menggantikan perkataan “three” dengan perkataan “seven”;

(ii) dengan memotong perkataan “or the period specified in section 20 whichever be the longer”; dan

(iii) dengan menggantikan perkataan “subject to such conditions” dengan perkataan “subject to such fees and conditions”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula subseksyen yang berikut:

“(2) The Registrar-General may waive, in whole or in part, the fees prescribed for late registration referred to in subsection (1) subject to such criteria and conditions as the Minister may determine.”.

Pindaan seksyen 22

16. Subseksyen 22(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “twelve hours” dengan perkataan “seven days”.

Pindaan seksyen 23

17. Seksyen 23 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “twenty-four hours” dengan perkataan “seven days”.

Pindaan seksyen 24

18. Seksyen 24 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan “twenty-four hours” dengan perkataan “seven days”; dan

(b) dengan memotong perkataan “for the registration area within which the death took place or the body of such person was found”.

Seksyen baharu 24A dan 24B

19. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 24 seksyen yang berikut:

“Registration of presumed death

24A. (1) When an order from a Court has been granted pertaining to a missing person’s presumed death under any written law, the person who has been granted the order may forward the order to the Registrar for the purpose of registering the particulars of the missing person’s presumed death.

(2) On receipt of the order under subsection (1), the Registrar shall make an entry in a register containing the name of the missing person and such other information as may be necessary in relation to the missing person’s presumed death.

Certificate of Presumed Death

24B. The Registrar, upon registering a missing person's presumed death, shall issue a Certificate of Presumed Death to the person forwarding the Court order under section 24A.”.

Pindaan seksyen 26

20. Seksyen 26 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memotong perkataan “Superintendent-Registrar and”;
- (b) dalam subseksyen (1)—
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan “as may be appointed” perkataan “, and in such manner as may be determined,”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “Superintendent-Registrar” dengan perkataan “Registrar-General”;
- (c) dengan memotong subseksyen (2); dan
- (d) dengan menomborkan semula subseksyen (1) yang sedia ada sebagai seksyen 26.

Pindaan seksyen 27

21. Seksyen 27 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (3), dengan memotong perkataan “by entry (without any alteration of the original entry)”;
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(3A) Where the Registrar-General, the Superintendent-Registrar or the Registrar is satisfied that from an inquiry held under section 37B an error of fact or substance in any register exists, the error of fact or substance may be corrected by the Registrar-General.”;

(c) dalam subseksyen (4)—

(i) dengan memotong perkataan “(without any alteration of the original entry)”; dan

(ii) dengan memotong perkataan “, who shall place his initials opposite the entry in which such error occurs and shall add thereto the day and the month and the year when such correction is made”; dan

(d) dengan memotong subseksyen (5) dan (6).

Pindaan seksyen 30

22. Subseksyen 30(1) Akta ibu dipinda—

(a) dengan memotong perkataan “in duplicate”; dan

(b) dengan memotong perkataan “One copy of the indices shall be kept by the Registrar-General and the other copy shall be kept by the appropriate Superintendent-Registrar”.

Pindaan seksyen 32

23. Seksyen 32 Akta ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “Certificates of Birth and Certificates of Death” dengan perkataan “Certificates of Birth, Certificates of Death and Certificates of Presumed Death”;

(b) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “a Certificate of Birth or a Certificate of Death” dengan perkataan “a Certificate of Birth, Certificate of Death or Certificate of Presumed Death”;

(c) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “Certificate of Birth or Certificate of Death” dengan perkataan “Certificate of Birth, Certificate of Death or Certificate of Presumed Death”;

(d) dalam subseksyen (4)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “Certificate of Birth or a Certificate of Death” dengan perkataan “Certificate of Birth, Certificate of Death or Certificate of Presumed Death”; dan
- (ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “birth or death” dengan perkataan “birth, death or presumed death”; dan

(e) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “Certificate of Birth or the Certificate of Death” dengan perkataan “Certificate of Birth, Certificate of Death or Certificate of Presumed Death”.

Pindaan seksyen 33

24. Seksyen 33 Akta ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “or death” dengan perkataan “, death or presumed death”;

(b) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “a Certificate of Birth or a Certificate of Death” dengan perkataan “a Certificate of Birth, Certificate of Death or Certificate of Presumed Death”; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan “such birth or death” dengan perkataan “such birth, death or presumed death”;

(c) dalam subseksyen (2)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “a Certificate of Birth or a Certificate of Death” dengan perkataan “a Certificate of Birth, Certificate of Death or Certificate of Presumed Death”; dan

- (ii) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:

“(ca) the entry is an entry of presumed death which has been made upon receiving an order from a Court; or”; dan

- (d) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “a Certificate of Birth or a Certificate of Death” dengan perkataan “a Certificate of Birth, Certificate of Death or Certificate of Presumed Death”.

Pindaan seksyen 34

25. Seksyen 34 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (a)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “death” perkataan “or presumed death”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “qualified informant” dengan perkataan “qualified person under section 7 or 19 or a person under section 24A”; dan

- (b) dengan menggantikan perkataan “of five hundred ringgit” dengan perkataan “not exceeding twenty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both”.

Pindaan seksyen 35

26. Seksyen 35 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “of two hundred and fifty ringgit for each offence” dengan perkataan “not exceeding twenty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both”.

Pindaan seksyen 36

27. Seksyen 36 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula seksyen yang sedia ada sebagai subseksyen (1);

- (b) dalam perenggan (j), dengan menggantikan perkataan “a Certificate of Birth or a Certificate of Death” dengan perkataan “a Certificate of Birth, Certificate of Death or Certificate of Presumed Death”;
- (c) dalam perenggan (k), dengan menggantikan perkataan “Certificate of Birth or Certificate of Death” dengan perkataan “Certificate of Birth, Certificate of Death or Certificate of Presumed Death”;
- (d) dalam perenggan (l), dengan memotong perkataan “or” di hujung perenggan itu;
- (e) dalam perenggan (m), dengan menggantikan koma di hujung perenggan itu dengan perkataan “; or”;
- (f) dengan memasukkan selepas perenggan (m) perenggan yang berikut:
 - “(n) knowingly possesses or makes use of a fake Certificate of Birth, Certificate of Death or Certificate of Presumed Death.”;
- (g) dengan menggantikan perkataan “of two thousand ringgit or to imprisonment for twelve months or to both such fine and imprisonment” dengan perkataan “not exceeding twenty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both”; dan
- (h) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula subseksyen yang berikut:
 - “(2) Every offence under paragraph (1)(a), (b), (c), (h), (i), (j), (k), (m) or (n) shall be a seizable offence for the purpose of the law relating to criminal procedure.”.

Pemotongan seksyen 37A

28. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 37A.

Pindaan seksyen 37B**29. Seksyen 37B Akta ibu dipinda—**

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “Superintendent-Registrar or any other officer duly authorized in writing” dengan perkataan “the Superintendent-Registrar or the Registrar”; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan “sections 12, 15, 21, 27, subsections 32(3) and (4)” dengan perkataan “this Act”;

(b) dalam subseksyen (2)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “Superintendent-Registrar or such authorized officer” dengan perkataan “the Superintendent-Registrar or the Registrar”;
- (ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; or”; dan
- (iii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(c) require any document to be produced which he may consider reasonably necessary.”;

(c) dalam subseksyen (3)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “The Superintendent-Registrar” dengan perkataan “The Registrar-General, the Superintendent-Registrar or the Registrar”; dan
- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “by him” perkataan “under paragraph (2)(c)”; dan

(d) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Any person who fails or refuses—

(a) to attend any inquiry;

(b) to produce any document; or

(c) to answer any question,

when required to do so under this section shall be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit.”.

Seksyen baharu 37c

30. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 37B seksyen yang berikut:

“Power to investigate

37c. (1) The Registrar-General, the Superintendent-Registrar and the Registrar may investigate the commission of any offence under this Act.

(2) For the avoidance of doubt, it is declared that for the purposes of this Act, the Registrar-General, the Superintendent-Registrar and the Registrar shall have all or any of the special powers of a police officer of whatever rank in relation to police investigations in seizable cases as provided for under the Criminal Procedure Code [*Act 593*], and such powers shall be in addition to the powers provided for under this Act and not in derogation thereof.”.

Pindaan seksyen 38

31. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 38 dengan seksyen yang berikut:

“Power to compound offences

38. (1) The Minister may make rules prescribing—

(a) any offence under this Act and any rules made under this Act that may be compounded;

- (b) criteria for compounding such offence; and
- (c) method and procedure for compounding such offence.

(2) The Registrar-General or the Superintendent-Registrar may, with the consent in writing of the Public Prosecutor, compound any offence committed by any person under this Act or any rules made under this Act and prescribed to be a compoundable offence by making a written offer to the person suspected to have committed the offence to compound the offence upon payment to the Registrar-General or the Superintendent-Registrar of such amount of money not exceeding fifty per centum of the amount of maximum fine for that offence within such time as may be specified in his written offer.

(3) An offer under subsection (2) may be made at any time after the offence has been committed but before any prosecution for it has been instituted.

(4) If the amount specified in the offer is not paid within the time specified in the offer or such extended time as the Registrar-General or the Superintendent-Registrar may grant, prosecution for the offence may be instituted at any time after that against the person to whom the offer was made.

(5) Where an offence has been compounded under subsection (2), no prosecution shall be instituted in respect of the offence against the person to whom the offer to compound was made, and any document or thing seized in connection with the offence may be released by the Registrar-General or the Superintendent-Registrar, subject to such terms as he thinks fit.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (“Akta 299”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 299 untuk memasukkan takrif “Certificate of Presumed Death” ke dalam Akta 299.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 299 untuk membolehkan daftar kelahiran, kematian dan anggapan kematian disimpan dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Pendaftar Besar.

Pada masa ini, daftar kelahiran, kematian dan anggapan kematian disimpan dan disenggarakan secara manual oleh Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia. Pada masa yang sama, Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia turut melaksanakan daftar berpusat yang berhubungan dengan kelahiran, kematian dan anggapan kematian dalam bentuk pangkalan data komputer. Walau bagaimanapun, Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia akan terus menyimpan dan menyenggarakan secara manual daftar kelahiran, kematian dan anggapan kematian secara pentadbiran. Berbangkit daripada pelaksanaan daftar berpusat yang berhubungan dengan kelahiran, kematian dan anggapan kematian dalam bentuk pangkalan data komputer, beberapa peruntukan Akta 299 perlu dipinda, khususnya subseksyen 4(2) dan (3), subseksyen 7(1), subseksyen 18(1), seksyen 26, subseksyen 27(3), (4) dan (6) dan seksyen 30.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 4A Akta 299 untuk membolehkan pendaftaran semula kematian mana-mana orang yang rekodnya atas apa-apa sebab hilang atau musnah.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 6 Akta 299 untuk membenarkan mana-mana pegawai awam untuk memeriksa daftar dan indeks dalam melaksanakan tugasnya dengan kebenaran Pendaftar Besar. Pindaan yang dicadangkan akan memudahkan perkongsian maklumat antara agensi-agensi kerajaan.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta 299.

Subfasal 6(a)(i) bertujuan untuk meminda subseksyen 7(1) Akta 299 untuk membolehkan pendaftaran kelahiran tiap-tiap kanak-kanak yang lahir di Semenanjung Malaysia di mana-mana kawasan pendaftaran. Sebelum pindaan yang dicadangkan, setiap kelahiran hanya boleh didaftarkan di kawasan di mana kelahiran itu berlaku kerana semua daftar dan indeks disimpan secara manual di pejabat Pendaftar bagi kawasan di mana kelahiran itu berlaku. Walau bagaimanapun, dengan pelaksanaan daftar berpusat dalam bentuk pangkalan data komputer, semua daftar baharu tidak lagi perlu disimpan secara manual oleh Pendaftar. Oleh yang demikian, pendaftaran kelahiran mana-mana kanak-kanak boleh dibuat di mana-mana pejabat Pendaftar di Semenanjung Malaysia.

Subfasal 6(b) bertujuan untuk memotong subseksyen 7(3) Akta 299. Pemotongan subseksyen (3) Akta 299 bertujuan untuk menggugurkan peruntukan yang membenarkan tulisan Cina digunakan dalam pendaftaran kelahiran seseorang kanak-kanak berbangsa Cina disebabkan oleh pelaksanaan daftar berpusat dalam bentuk pangkalan data komputer yang hanya mengiktiraf tulisan Rumi.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 8 Akta 299 untuk melanjutkan tempoh untuk memberi maklumat berkenaan dengan suatu kelahiran kepada Pendaftar daripada empat belas hari kepada enam puluh hari. Dari 2003 hingga 2014, statistik menunjukkan bahawa dua ratus enam puluh sembilan ribu tujuh puluh lima kes pendaftaran lewat bagi kelahiran telah direkodkan. Sehubungan dengan itu, untuk mengurangkan bilangan kes tersebut dan untuk memberi lebih masa kepada orang yang layak untuk mendaftarkan kelahiran seseorang kanak-kanak, tempoh untuk memberi maklumat berkenaan dengan kelahiran dicadangkan untuk dilanjutkan kepada enam puluh hari.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 10A ke dalam Akta 299 untuk memperkatakan peruntukan khas bagi pendaftaran kelahiran. Pada masa ini, terdapat keadaan pendaftaran kelahiran dibuat secara pentadbiran kerana ia tidak dapat dibuat mengikut peruntukan sedia ada Akta 299, seperti kelahiran atas pesawat atau kapal dan yang melibatkan bidang kuasa negara asing. Justeru, pindaan yang dicadangkan ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan yang jelas yang berhubungan dengan kuasa Pendaftar Besar untuk mendaftarkan mana-mana kelahiran jika dia berpuas hati dengan keterangan yang dikemukakan kepadanya bahawa kelahiran itu telah berlaku.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk memotong seksyen 11 Akta 299. Pemotongan seksyen 11 Akta 299 berbangkit daripada pindaan seksyen 8 Akta 299 dalam *fasal 7* yang melanjutkan tempoh pemberian maklumat berkenaan dengan suatu kelahiran daripada empat belas hari kepada enam puluh hari.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 12 Akta 299.

Subfasal 10(a)(i) bertujuan untuk meminda subseksyen 12(1) Akta 299 untuk memasukkan peruntukan tentang keperluan kebenaran bertulis Pendaftar Besar bagi pendaftaran suatu kelahiran jika pendaftaran itu dibuat selepas habis tempoh enam puluh hari dari tarikh kelahiran. Pindaan yang dicadangkan berbangkit daripada pindaan seksyen 8 Akta 299 dalam *fasal 7* yang melanjutkan tempoh pemberian maklumat berkenaan dengan suatu kelahiran. Pindaan yang dicadangkan juga bertujuan untuk memasukkan peruntukan tentang keperluan kebenaran bertulis Pendaftar Besar bagi pendaftaran kelahiran seorang kanak-kanak baharu lahir yang hidup yang dijumpai terdedah jika pendaftaran itu dibuat selepas habis tempoh empat belas hari dari tarikh kanak-kanak itu dijumpai terdedah, bagi faedah dan keselamatan kanak-kanak itu, dan bukannya empat puluh dua hari sebagaimana dalam peruntukan sekarang.

Subfasal 10(a)(ii) bertujuan untuk meminda subseksyen 12(1) Akta 299 untuk memperuntukkan bahawa pendaftaran lewat adalah tertakluk kepada apa-apa fi dan syarat yang ditetapkan oleh Menteri.

Subfasal 10(b) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 12(1A) ke dalam Akta 299 untuk memperuntukkan bahawa Pendaftar Besar boleh mengetepikan fi yang ditetapkan bagi pendaftaran lewat, keseluruhannya atau sebahagiannya, tertakluk kepada kriteria dan syarat yang akan ditentukan oleh Menteri.

12. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 18 Akta 299.

Subfasal 11(a) bertujuan untuk meminda seksyen 18 Akta 299 untuk membolehkan kematian tiap-tiap orang yang mati di Semenanjung Malaysia didaftarkan oleh Pendaftar di mana-mana kawasan pendaftaran. Sebelum pindaan yang dicadangkan, setiap kematian hanya akan didaftarkan di kawasan di mana kematian itu berlaku kerana semua daftar dan indeks disimpan secara manual di pejabat Pendaftar bagi kawasan di mana kematian itu berlaku. Walau bagaimanapun, dengan pelaksanaan daftar berpusat dalam bentuk pangkalan data komputer, semua daftar baharu tidak lagi perlu disimpan secara manual oleh Pendaftar. Oleh yang demikian, pendaftaran kematian boleh dibuat di mana-mana pejabat Pendaftar di Semenanjung Malaysia.

13. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 19 Akta 299 untuk melanjutkan tempoh untuk memberikan maklumat berkenaan dengan suatu kematian kepada Pendaftar daripada dua belas jam kepada tujuh hari. Oleh sebab keperluan, hal keadaan, ritual, kewajipan keagamaan dan adat berkenaan dengan pengurusan kematian yang boleh menghalang orang yang layak daripada memaklumkan kematian kepada Pendaftar dalam tempoh dua belas jam selepas kematian, tempoh untuk memberikan maklumat dilanjutkan kepada tujuh hari. Tambahan pula, dari 2003 hingga 2014, statistik menunjukkan bahawa tujuh puluh dua ribu sembilan ratus dua puluh sembilan kes pendaftaran lewat bagi kematian telah direkodkan. Sehubungan dengan itu, untuk mengurangkan bilangan kes tersebut dan untuk memberikan lebih masa kepada orang yang layak untuk mendaftarkan sesuatu kematian, tempoh pemberian maklumat berkenaan dengan kematian dicadangkan untuk dilanjutkan kepada tujuh hari.

14. *Fasal 13* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 19A ke dalam Akta 299 untuk memperkatakan peruntukan khas bagi pendaftaran kematian ekoran daripada insiden MH17 yang kematian penumpangnya tidak dapat didaftarkan mengikut peruntukan sedia ada Akta 299. Justeru, pindaan ini dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan yang jelas yang berhubungan dengan kuasa Pendaftar Besar untuk mendaftarkan mana-mana kematian jika dia berpuas hati dengan keterangan yang dikemukakan kepadanya bahawa kematian itu telah berlaku.

15. *Fasal 14* bertujuan untuk memotong seksyen 20 Akta 299. Pemotongan seksyen 20 Akta 299 berbangkit daripada pindaan seksyen 19 Akta 299 dalam *fasal 12* yang melanjutkan tempoh untuk pemberian maklumat berkenaan dengan suatu kematian daripada dua belas jam kepada tujuh hari.

16. *Fasal 15* bertujuan untuk meminda seksyen 21 Akta 299.

Subfasal 15(b)(i) bertujuan untuk meminda seksyen 21 Akta 299 untuk memperuntukkan tentang keperluan kebenaran bertulis Pendaftar Besar bagi pendaftaran suatu kematian jika pendaftaran itu dibuat selepas habis tempoh tujuh hari dari tarikh kematian atau tarikh penemuan mayat. Pindaan yang dicadangkan berbangkit daripada pindaan seksyen 19 Akta 299 dalam *fasal 12* yang melanjutkan tempoh pemberian maklumat berkenaan dengan suatu kematian.

Subfasal 15(b)(iii) bertujuan untuk meminda seksyen 21 Akta 299 untuk memperuntukkan bahawa pendaftaran lewat adalah tertakluk kepada apa-apa fi dan syarat yang ditetapkan oleh Menteri.

Subfasal 15(c) bertujuan untuk meminda seksyen 21 Akta 299 untuk memasukkan subseksyen baharu (2) ke dalam Akta 299 untuk memperuntukkan bahawa Pendaftar Besar boleh mengetepikan fi yang ditetapkan bagi pendaftaran lewat, keseluruhannya atau sebahagiannya, tertakluk kepada kriteria dan syarat yang ditentukan oleh Menteri.

17. *Fasal 16* bertujuan untuk meminda seksyen 22 Akta 299 untuk memperuntukkan bahawa, apabila mati mana-mana orang yang pada saat akhir sakitnya dirawat oleh seorang pengamal perubatan berdaftar, tempoh untuk menyerahkan perakuan kepada orang yang layak di bawah seksyen 19 Akta 299 atau kepada Pendaftar oleh pengamal perubatan berdaftar itu dilanjutkan daripada dua belas jam selepas kematian kepada tujuh hari selepas kematian. Memandangkan tempoh untuk memberikan maklumat berkenaan dengan kematian kepada Pendaftar di bawah seksyen 19 dilanjutkan daripada dua belas jam kepada tujuh hari dalam *fasal 12*, tempoh di bawah seksyen 22 Akta 299 juga dilanjutkan sama.

18. *Fasal 17* bertujuan untuk meminda seksyen 23 Akta 299 untuk memperuntukkan bahawa, jika pemeriksaan *post-mortem* ke atas tubuh mana-mana orang dibuat, tempoh untuk mengemukakan perakuan kepada Pendaftar oleh pengamal perubatan berdaftar dilanjutkan daripada dua puluh empat jam selepas selesai pemeriksaan itu kepada tujuh hari selepas selesai pemeriksaan itu. Memandangkan tempoh untuk memberikan maklumat berkenaan dengan kematian kepada Pendaftar di bawah seksyen 19 dilanjutkan daripada dua belas jam kepada tujuh hari dalam *fasal 12*, tempoh di bawah seksyen 23 Akta 299 juga dilanjutkan sama.

19. *Fasal 18* bertujuan untuk meminda seksyen 24 Akta 299 untuk memperuntukkan bahawa, jika suatu inkues atau siasatan diadakan mengenai kematian mana-mana orang, tempoh untuk mengemukakan suatu perakuan kepada Penguasa Pendaftar oleh Koroner atau Majistret dilanjutkan daripada dua puluh empat jam selepas inkues atau siasatan itu tamat kepada tujuh hari selepas inkues atau siasatan itu tamat. Memandangkan tempoh untuk memberikan maklumat berkenaan dengan kematian kepada Pendaftar di bawah seksyen 19 dilanjutkan daripada dua belas jam kepada tujuh hari dalam *fasal 12*, tempoh di bawah seksyen 24 Akta 299 juga dilanjutkan sama.

20. *Fasal 19* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 24A dan 24B ke dalam Akta 299.

Seksyen 24A yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa seseorang yang telah diberikan suatu perintah berkenaan dengan anggapan kematian seseorang yang hilang di bawah mana-mana undang-undang bertulis oleh Mahkamah boleh mengemukakan perintah itu kepada Pendaftar bagi maksud mendaftarkan butir-butir anggapan kematian orang yang hilang itu. Apabila menerima perintah itu, Pendaftar hendaklah membuat catatan dalam daftar yang mengandungi nama orang yang hilang itu dan apa-apa maklumat lain yang perlu berhubung dengan anggapan kematian orang yang hilang itu.

Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk menggalakkan pendaftaran anggapan kematian seseorang yang hilang apabila menerima perintah daripada Mahkamah dan untuk membantu ahli keluarga dalam menguruskan perkara berkenaan dengan orang yang hilang itu dengan pengeluaran Perakuan Anggapan Kematian di bawah seksyen 24b yang dicadangkan.

21. *Fasal 21* bertujuan untuk meminda seksyen 27 Akta 299.

Subfasal 21(b) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 27(3A) ke dalam Akta 299 untuk memperuntukkan bahawa jika Pendaftar Besar, Penguasa Pendaftar atau Pendaftar berpuas hati bahawa daripada siasatan yang diadakan di bawah seksyen 37B wujud kesilapan fakta atau isi dalam mana-mana daftar, kesilapan fakta atau isi itu boleh dibetulkan oleh Pendaftar Besar. Peruntukan seksyen 27 Akta 299 yang sedia ada hanya membenarkan pembetulan kesilapan fakta atau isi dibuat dalam daftar apabila terdapat permohonan daripada seseorang yang menghendaki kesilapan itu dibetulkan. Pindaan yang dicadangkan akan membenarkan Pendaftar Besar untuk membetulkan apa-apa kesilapan fakta atau isi dalam daftar selepas siasatan tanpa keperluan bagi suatu permohonan dibuat bagi maksud itu.

Subfasal 21(d) bertujuan untuk memotong subseksyen 27(5) dan (6) Akta 299. Peruntukan subseksyen 27(5) Akta 299 yang membenarkan Pendaftar Besar atau Penguasa Pendaftar untuk membetulkan apa-apa tarikh atau nama tempat yang telah dicatatkan dalam bahasa Thai atau Jepun supaya selaras dengan kalendar British atau nama tempat yang digunakan sebelum pendudukan Jepun atau Thai dipotong kerana tidak lagi relevan dan tidak lagi diamalkan.

22. *Fasal 23* bertujuan untuk meminda seksyen 32 Akta 299 untuk mengadakan peruntukan bagi pengeluaran Perakuan Anggapan Kematian oleh Pendaftar.

23. *Fasal 24* bertujuan untuk meminda seksyen 33 Akta 299 untuk memperuntukkan bahawa Perakuan Anggapan Kematian hendaklah diterima tanpa bukti selanjutnya atau bukti lain sebagai keterangan fakta dan butir-butir yang berhubungan dengan anggapan kematian.

24. *Fasal 25* dan *26* bertujuan untuk meminda seksyen 34 dan 35, masing-masing. Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk menaikkan penalti yang dikenakan ke atas kesalahan yang berhubungan dengan daftar dan kegagalan untuk memberi maklumat, dsb., di bawah seksyen 34 dan 35 Akta 299, masing-masing, dengan mengambil kira bahawa penalti yang lebih tinggi dikenakan bagi kesalahan yang serupa di bawah Akta Pendaftaran Negara 1959 [Akta 78].

25. *Fasal 27* bertujuan untuk meminda seksyen 36 Akta 299, antara lain, untuk memasukkan suatu kesalahan baharu iaitu dengan pengetahuannya memiliki atau menggunakan Perakuan Kelahiran, Perakuan Kematian atau Perakuan Anggapan Kematian yang palsu. Pindaan yang dicadangkan juga bertujuan untuk menaikkan hukuman yang dikenakan bagi kesalahan di bawah seksyen itu dan memperuntukkan bahawa tiap-tiap kesalahan di bawah perenggan 36(1)(a), (b), (c), (h), (i), (j), (k), (m) dan (n) sebagai kesalahan boleh tangkap.

26. *Fasal 28* bertujuan untuk memotong seksyen 37A Akta 299 yang berhubungan dengan kuasa Penguasa Pendaftar atau pegawai yang diberi kuasa oleh Pendaftar Besar untuk menjalankan pendakwaan kerana kuasa untuk menjalankan suatu pendakwaan ialah kuasa Pendakwa Raya menurut Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan.

27. *Fasal 29* bertujuan untuk meminda seksyen 37B Akta 299 untuk memberi Pendaftar Besar, Penguasa Pendaftar atau Pendaftar kuasa untuk menghendaki apa-apa dokumen dikemukakan apabila perlu semasa suatu siasatan. Pindaan yang dicadangkan juga mengadakan peruntukan kesalahan bagi kegagalan atau keengganan mana-mana orang untuk hadir mana-mana siasatan, atau untuk mengemukakan apa-apa dokumen, atau untuk menjawab apa-apa soalan, apabila dikehendaki berbuat demikian.

28. *Fasal 30* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 37C ke dalam Akta 299 untuk memberi Pendaftar Besar, Penguasa Pendaftar dan Pendaftar kuasa untuk menyiasat pelakuan mana-mana kesalahan di bawah Akta 299.

29. *Fasal 31* bertujuan untuk meminda seksyen 38 Akta 299 untuk mengadakan peruntukan bagi kuasa untuk mengkompaun kesalahan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U2)3020]